



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan. No. Tel : 03-7956 3544
Laman web : www.mbpj.gov.my

REQUEST FOR PROPOSAL

TAJUK :

CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA TANAH HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DI ATAS LOT 7 (NO. HAK MILIK : PN 38700) DAN TANAH RIZAB KERAJAAN (DATARAN PJ), LORONG SULTAN, PUSAT BANDAR SEKSYEN 52, PETALING JAYA, SELANGOR.

Pelawaan ini adalah terbuka kepada mana-mana **syarikat pemaju hartanah atau syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerja-kerja pembinaan, pemasaran dan penjualan unit hartanah secara individu atau konsortium yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** untuk mengemukakan Cadangan Pembangunan Semula Tanah Hak Milik Majlis Bandaraya Petaling Jaya Di Atas Lot 7 (No. Hak Milik : PN 38700) Dan Tanah Rizab Kerajaan (Dataran PJ), Lorong Sultan, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya, Selangor seperti butiran berikut;-

Syarikat yang berminat untuk mengemukakan cadangan pembangunan semula ini **DISARANKAN menghadiri majlis taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan pada jam 10.00 pagi, 15 Mei 2025 di Bilik Gerakan, Tingkat 1, Ibu Pejabat MBPJ.** Majlis taklimat dan lawatan tapak ini diadakan bertujuan memberi penerangan berkaitan komponen-komponen cadangan pembangunan yang akan dilaksanakan mengikut keperluan dan kehendak Majlis.

Borang Penyertaan beserta salinan dokumen yang diperlukan hendaklah disediakan dengan lengkap, disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah dan dikemukakan kepada **Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya sebelum jam 5.00 petang, 31 Julai 2025 (Khamis).**

Borang Penyertaan beserta salinan dokumen yang tidak lengkap dan lewat diterima tidak akan diberikan pertimbangan.

Setiap Borang Penyertaan adalah **PERLU** dilampirkan bersama resit bayaran proses sebanyak RM5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja) yang perlu dibuat di kaunter Jabatan Perancangan Pembangunan, Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ.

Borang Penyertaan yang dihantar tanpa salinan resit bayaran proses adalah **DITOLAK.**

Pihak syarikat atau konsortium yang melepasi tapisan kelayakan (*pre qualification*) dikehendaki menghadiri sesi temuduga dan pembentangan pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Majlis.

Segala kos penyediaan dokumen cadangan pembangunan ini, menghadiri majlis taklimat, lawatan tapak, sesi temuduga, pembentangan dan lain-lain adalah di bawah tanggungan pihak syarikat sepenuhnya.

Syarikat-syarikat yang memasuki pelawaan ini secara konsortium dan berjaya dipilih dan dilantik oleh pihak Majlis bagi melaksanakan projek pembangunan semula ini hendaklah menubuhkan syarikat baru (*Special Purpose Vehicle – SPV*) yang mesti terdiri daripada Pengarah Urusan syarikat-syarikat yang sama.

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tarikh : 2 Mei 2025

TAJUK : CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA TANAH HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DI ATAS LOT 7 (NO. HAK MILIK : PN 38700) DAN TANAH RIZAB KERAJAAN (DATARAN PJ), LORONG SULTAN, PUSAT BANDAR SEKSYEN 52, PETALING JAYA, SELANGOR.

NO. RFP : MBPJ/040100/T/ P23/1/KOMPLEKSC/SEK52/0664/2023

Sila ambil perhatian bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan berikut:-

- Lampiran A : Arahan Kepada Syarikat
- Lampiran B : Syarat-syarat Am
- Lampiran C : Borang Keterangan Mengenai Syarikat
- Lampiran D : Borang Keterangan Mengenai Kewangan Syarikat
- Lampiran E : Butiran Cadangan Pembangunan
- Lampiran F : Borang Kertas Cadangan Pembangunan Syarikat
- Lampiran G : Senarai Kerja/Perkhidmatan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan
- Lampiran H : Surat Akuan Syarikat
- Lampiran I : Surat Akuan Syarikat Berjaya
- Lampiran J : Senarai Nama Sekretariat Unit Pelaburan, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ

LAMPIRAN A

ARAHAN KEPADA SYARIKAT

1.0 PERIHAL REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

- 1.1 Pelaksanaan RFP merupakan inisiatif dalam menjana hasil baru kepada Majlis bagi membangunkan tapak-tapak yang berpotensi dalam kawasan Petaling Jaya untuk dimajukan dengan kerjasama pihak swasta yang berminat melaksanakan projek pembangunan semula berkonsepkan *win-win situation*.
- 1.2 RFP ini dilaksanakan bagi mendapatkan kertas cadangan daripada pihak syarikat yang berminat merangkumi aspek seperti keupayaan kewangan, kepakaran teknikal, kepakaran khusus, pengalaman, teknologi moden, kemahiran mereka bentuk, kajian atau penyelidikan dan sebagainya.
- 1.3 Syarikat yang berjaya dipilih berdasarkan syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang digariskan oleh Majlis akan dilantik untuk mengadakan kerjasama bagi pelaksanaan projek pembangunan mengikut seperti dalam borang penyertaan yang diiklankan.

2.0 HAK MAJLIS UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK RFP

Majlis adalah tidak terikat untuk menerima RFP dengan tawaran yang terendah/ tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu RFP. Keputusan Majlis adalah **MUKTAMAD**.

3.0 KERTAS CADANGAN RFP

- 3.1 Pihak syarikat **MESTILAH** membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen RFP serta menyemak kandungan dokumen RFP dengan teliti sebelum mengisi borang-borang yang diperlukan semasa penyediaan RFP. Setiap syarikat yang berminat untuk menyertai hanya boleh mengemukakan satu dokumen RFP dengan satu tawaran harga sahaja. Sekiranya terdapat lebih daripada satu dokumen RFP dikemukakan maka hanya dokumen yang terawal dibuka sahaja yang akan diterima untuk penilaian selanjutnya.

- 3.2 Borang RFP hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan termasuk lampiran dokumen sokongan perlulah dikepilkan dengan betul dan selamat agar tiada keciciran dokumen berlaku semasa penghantaran dibuat. Syarikat dinasihatkan mengisi maklumat di dalam borang-borang RFP secara ditaip. Jika syarikat mengisi secara tulisan tangan, pengisian hendaklah menggunakan **DAKWAT** yang tidak mudah luntur dan tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca. Sebarang kesilapan menyebabkan kegagalan penilaian dibuat bukan dibawah tanggungjawab Majlis.
- 3.3 Majlis tidak akan dipertanggungjawabkan untuk atau membayar apa-apa kos atau perbelanjaan atau kerugian yang dialami oleh syarikat di dalam penyediaan atau penghantaran dokumen RFP ini.

4.0 BORANG KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT (LAMPIRAN C)

- 4.1 Syarikat **MESTILAH** mengisi dan menandatangani borang ini dengan lengkap dan betul. Sekiranya borang ini tidak diisi, ditandatangani dan dicop oleh pemilik syarikat dan Pesuruhjaya Sumpah, tawaran syarikat menjadi tidak sah dan dengan sendirinya akan **DITOLAK** tanpa sebarang pertimbangan.
- 4.2 Dokumen sokongan berkaitan perlulah dikemukakan sebagai bukti dan dilampirkan bersama semasa penghantaran dibuat.

5.0 BORANG KETERANGAN MENGENAI KEWANGAN SYARIKAT (LAMPIRAN D)

- 5.1 Pihak syarikat **MESTILAH** mengisi dan menandatangani borang ini dengan lengkap dan betul. Sekiranya borang ini tidak diisi, ditandatangani dan dicop oleh pemilik syarikat dan Pesuruhjaya Sumpah, tawaran syarikat menjadi tidak sah dan dengan sendirinya akan **DITOLAK** tanpa sebarang pertimbangan.
- 5.2 Dokumen sokongan berkaitan perlulah dikemukakan sebagai bukti dan dilampirkan bersama semasa penghantaran dibuat.

6.0 BORANG KERTAS CADANGAN PEMBANGUNAN SYARIKAT (LAMPIRAN F)

- 6.1 Syarikat **MESTILAH** mengisi dan menandatangani borang ini dengan lengkap dan betul. Sekiranya borang ini tidak diisi, ditandatangani dan dicop oleh pemilik syarikat dan Pesuruhjaya Sumpah, tawaran syarikat menjadi tidak sah dan dengan sendirinya akan **DITOLAK** tanpa sebarang pertimbangan.
- 6.2 Cadangan daripada syarikat adalah sangat dialu-alukan berkenaan projek pembangunan semula yang diiklankan. Adalah diingatkan, komponen utama pembangunan merupakan perkara **WAJIB** yang perlu dimasukkan dalam setiap kertas cadangan yang dikemukakan manakala komponen cadangan lain bersesuaian boleh dicadangkan dalam projek pembangunan ini. Walau bagaimanapun, komponen pembangunan utama tersebut tidak semestinya mengikut cadangan asal Majlis.

7.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

Semua pembetulan/ pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam borang-borang hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen RFP serta dicopkan dengan cop syarikat. Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dibetulkan/ dipinda dan hendaklah dibuat dengan jelas supaya boleh dibaca.

8.0 PENGHANTARAN DOKUMEN RFP

Syarikat adalah dikehendaki mengemukakan dokumen RFP yang telah diisi dengan lengkap dan betul serta ditandatangani oleh pemilik syarikat. Senarai dokumen yang perlu dikemukakan semasa penghantaran dibuat adalah seperti berikut :

- 8.1 Borang Keterangan Mengenai Syarikat (Lampiran C).
- 8.2 Borang Keterangan Mengenai Kewangan Syarikat (Lampiran D).
- 8.3 Borang Kertas Cadangan Pembangunan Pembida (Lampiran F).
- 8.4 Senarai Kerja/Perkhidmatan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan (Lampiran G).
- 8.5 Surat Akuan Pembida (Lampiran H).

- 8.6 Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran I).
- 8.7 Perakuan Pendaftaran/ Pembaharuan Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) beserta maklumat syarikat.
- 8.8 Penyata Akaun Bank terkini syarikat (3 bulan).
- 8.9 Salinan profil syarikat yang lengkap menunjukkan pengalaman, kakitangan syarikat dan kepakaran berkaitan dengan tawaran RFP.
- 8.10 Dokumen Cadangan Pembangunan yang mengandungi cadangan komponen pembangunan utama, komponen pembangunan sokongan, pelan susunatur, pelan lantai, gambaran perspektif dan lain-lain, maklumat kadar harga jualan, nilai pembangunan kasar (*gross development value* – GDV), kos pembangunan kasar (*gross development cost* - GDV), pulangan kepada Majlis, jadual pelaksanaan projek dan lain-lain maklumat yang berkaitan dan perlu untuk diketengahkan termasuk aspek pengurusan secara keseluruhan.

9.0 PENYERAHAN DOKUMEN RFP

- 9.1 Dokumen RFP yang lengkap mengikut seperti di para 8.0 di atas hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bersaiz A4 atau A3 dengan cetakan berwarna dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan butir-butir berikut :

No. RFP : MBPJ/040100/T/P23/1/KOMPLEKSC/SEK52/0664 /2023

Tajuk RFP : Cadangan Pembangunan Semula Tanah Hak Milik Majlis Bandaraya Petaling Jaya Di Atas Lot 7 (No. Hak Milik : PN 38700) Dan Tanah Rizab Kerajaan (Dataran PJ), Lorong Sultan, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya, Selangor.

Alamat : Pengarah
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya, Selangor.

- 9.2 RFP yang dihantar dengan tangan hendaklah diserahkan di **kaunter Jabatan Perancangan Pembangunan, Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya** pada waktu pejabat tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. RFP yang lewat tidak akan diterima.
- 9.3 Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen-dokumen RFP yang dihantar sekiranya :
- i. Hantar sendiri secara serahan tangan
 - Serahan dokumen RFP ke kaunter/ lokasi yang salah
 - ii. Hantar secara pos/ agen penghantaran
 - Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran
- 9.4 Segala kos yang terlibat berhubung proses penghantaran dokumen RFP adalah di bawah tanggungan pembida dan tiada sebarang tuntutan yang boleh dibuat ke atas Majlis.

10.0 MAJLIS TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

- 10.1 Syarikat yang berminat untuk mengemukakan cadangan pembangunan semula ini **DISARANKAN** menghadiri majlis taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan pada jam 10.00 pagi, 15 Mei 2025 di Bilik Gerakan, Tingkat 1, Ibu Pejabat MBPJ.
- 10.2 Segala kos yang terlibat semasa majlis taklimat dan lawatan tapak dibuat adalah di bawah tanggungan syarikat dan tiada sebarang tuntutan yang boleh dibuat ke atas Majlis.

11.0 SESI TEMUDUGA DAN PEMBENTANGAN

- 11.1 Pihak syarikat atau konsortium yang melepasi tapisan kelayakan (*pre qualification*) dikehendaki menghadiri sesi temuduga dan pembentangan pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Majlis.
- 11.2 Segala kos menghadiri sesi temuduga, pembentangan dan lain-lain adalah di bawah tanggungan pihak syarikat sepenuhnya.

12.0 SPECIAL PURPOSE VEHICLE (SPV)

- 12.1 Syarikat-syarikat yang memasuki pelawaan ini secara konsortium dan berjaya dipilih dan dilantik oleh pihak Majlis bagi melaksanakan projek pembangunan semula ini hendaklah menubuhkan syarikat baru (*Special Purpose Vehicle – SPV*) yang mesti terdiri daripada Pengarah Urusan syarikat-syarikat yang sama.

13.0 PERINGATAN MENGENAI RASUAH

- 13.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 13.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 13.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan syarikat atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 13.4 Mana-mana syarikat yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

14.0 PELAKSANAAN INTEGRITI PACT

- 14.1 Kesemua syarikat yang menghantar dokumen RFP **MESTILAH** menandatangani Surat Akuan Syarikat bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Dokumen Surat Akuan Syarikat juga adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran syarikat seperti di **Lampiran H**.

- 14.2 Syarikat yang berjaya perlu menandatangani Surat Akuan Syarikat Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Dokumen Surat Akuan Syarikat Berjaya juga adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima seperti di **Lampiran I**.

15.0 TEMPOH SAH RFP

RFP ini adalah sah selama tempoh **Sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup RFP. Syarikat tidak boleh menarik balik RFPnya sebelum tamat tempoh sah tersebut. Sekiranya pembida menarik diri dalam tempoh sah RFP atau sebarang tempoh yang dilanjutkan atau enggan menerima RFP setelah ditawarkan kepadanya, tindakan disiplin akan diambil terhadapnya termasuklah tindakan penggantungan selama dua (2) tahun sebagai syarikat dengan pihak kerajaan.

LAMPIRAN B

SYARAT-SYARAT AM

1.0 TAFSIRAN

(a) Pegawai Penguasa

Pegawai Penguasa yang disebutkan dalam syarat-syarat RFP ini ialah Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Majlis memikul tanggungjawab Ketua Jabatan kemudian dari ini.

(b) Wakil Pegawai Penguasa

Wakil Pegawai Penguasa ertinya mana-mana orang atau orang-orang yang telah diwakilkan atau dibenarkan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Penguasa untuk menjalankan mana-mana atau semua kewajipan Pegawai Penguasa.

(c) Kerja

Kerja yang dimaksudkan adalah seperti dinyatakan dalam Borang Cadangan Pembangunan Syarikat (Lampiran F).

(d) Syarikat

Syarikat ertinya orang atau orang-orang perkongsian firma atau konsortium atau syarikat yang membida tawaran ini untuk perkhidmatan/kerja dan telah di setuju terima dan 'syarikat' membawa erti dan termasuk wakil-wakil peribadi syarikat, penggantinya dan mana-mana orang atau kumpulan orang lain yang kepadanya syarikat telah menyerahkan hak yang telah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa.

2.0 KONTRAK

Satu kontrak dikira mengikat di antara Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan syarikat yang RFPnya ini di setuju terima dan tertakluk kepada syarat-syarat RFP.

3.0 PERCANGGAHAN DALAM BORANG TAWARAN RFP

Syarikat hendaklah merujuk kepada Pegawai Penguasa untuk mendapatkan keputusan sekiranya syarikat mendapati apa-apa percanggahan dalam Borang Tawaran RFP.

4.0 MENGHALANG DARI MEMASUKI RFP

Dalam mana-mana hal pun MBPJ tanpa menyentuh apa-apa hak lain berhak menghalang syarikat dari mengambil bahagian dalam mana-mana kerja yang dikendalikan oleh MBPJ hingga satu masa mengikut budi bicara dan hanya apabila persetujuan bertulis MBPJ telah terlebih dahulu diterima oleh Syarikat.

- (a) Menarik balik RFP sebelum tamat tempoh sah RFP atau apa-apa tempoh lanjutan atau
- (b) Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan RFP (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik RFP ini) atau
- (c) Jika syarikat enggan dan tidak meneruskan kerja-kerja dalam masa empat belas hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat setuju terima RFP.

5.0 MENYERAH HAK KERJA

Keseluruhan kontrak yang dipersetujui syarikat di sini tidak boleh dipindah kepada mana-mana pihak yang lain, juga syarikat tidak dibenarkan menyerah hak sepenuhnya, sebahagian mahupun mana-mana bahagian kerja-kerja kepada syarikat-syarikat lain. Berkaitan dengan yang sama, syarikat memberi akujanjinya di sini tidak akan menyerah hak apa-apa faedah di bawah kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa.

6.0 PERATURAN PELAKSANAAN

Perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Borang Tawaran RFP Kerja ini dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.

7.0 ARAHAN PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKILNYA

Syarikat hendaklah dengan serta merta mematuhi semua arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya untuk menyempurnakan dan menyiapkan kerja termasuk semua arahan untuk kerja-kerja tambahan dan pindaan.

- (a) MBPJ berhak melantik seorang pegawai yang akan bertanggungjawab, mengkaji, mengawasi perkembangan dan arah tujuan Kontrak yang dikendalikan oleh Syarikat dari semasa ke semasa (kemudian ini bergelar "Pegawai Penguasa").
- (b) Pegawai Penguasa, Pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantiknya, atau wakilnya adalah layak untuk mengeluarkan arahan, pesanan, apa-apa notis termasuk pindaan dan tambahan dan tidak terhad juga kepada notis penamatan kerja/kontrak ini, bagi pihak MBPJ kepada syarikat, sama ada secara bertulis mahupun secara lisan.
- (c) Syarikat mengakui akan menuruti dan mematuhi segala arahan, pesanan, notis untuk pindaan dan/atau tambahan, dan apa-apa notis sekalipun yang mungkin diterima daripada Pegawai Penguasa, pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantiknya, wakilnya yang bertindak bagi pihak Pegawai Penguasa dan berkaitan dengan yang sama hendaklah (sekiranya terpakai) dengan serta merta mematuhi semua arahan, pesanan dan notis-notis yang dikeluarkan bagi menyempurnakan dan pelaksanaan kerja yang dikehendaki.

8.0 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA

Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja oleh syarikat yang tidak mematuhi spesifikasi, dan/atau lukisan. Bahan-bahan binaan dan kerja yang ditolak hendaklah diganti atau dibina semula dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh syarikat sendiri.

9.0 PEMATUHAN KEPADA GARIS PANDUAN PIAWAIAN PERANCANGAN DAN PERUNDANGAN MBPJ

- 9.1 Syarikat perlu mematuhi keperluan Garis Panduan Piawaian Perancangan seperti anjakan bangunan, penyediaan kawasan landskap 10%, keperluan golongan OKU dan lain-lain berkaitan.
- 9.2 Syarikat perlu mengemukakan pelan-pelan pembangunan (Pelan susunatur, Pelan Bangunan, Pelan Kerja tanah/ Pelan Jalan Dan Parit) yang berkaitan untuk kelulusan sekiranya kerjasama ini diterima.

- 9.3 Syarikat hendaklah mematuhi semua garis panduan dan undang-undang kecil yang berkenaan dan membayar semua yuran, caj dan lain-lain bayaran yang berkaitan. Syarikat tidak berhak menuntut sebarang kos atau bayaran tambahan berhubung dengan pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

10.0 KEGAGALAN SYARIKAT MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN SYARIKAT

MBPJ berhak menamatkan kontrak ini di atas sebab-sebab berikut dan setelah menerima Surat Amaran daripada Pegawai Penguasa ;

- (a) Sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh syarikat tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (e) Apabila syarikat diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah; dan

Dalam hal sekiranya pengambilan kerja syarikat ditamatkan di bawah kontrak ini mengikut salah satu perenggan atau mana-mana perenggan campuran (sekiranya terpakai dari fasal (a) hingga (e) MBPJ berhak:-

Menarik semula tawaran dan dengan demikian syarikat hendaklah memberhentikan kerjanya dan MBPJ boleh menyiapkan kerja itu secara langsung atau mengambil bekerja dan membayar seorang syarikat atau mana-mana syarikat lain mengikut budi bicara mutlak MBPJ tanpa perlu rujukan lagi kepada syarikat.

11.0 TEMPOH LIABILITI KECACATAN

- i) Kedua-dua pihak menetapkan Tempoh Liabiliti Kecacatan yang dipersetujui bagi siap kerja kepada dua belas (12) bulan sahaja, dikira dari tarikh siap kerja. Dalam tempoh seperti tersebut, Syarikat hendaklah membaiki sebarang kecacatan yang mungkin timbul akibat kerja-kerja tersebut dengan seberapa segera. WALAU BAGAIMANA SEKALIPUN, tidak lewat dari tujuh (7) hari selepas diberitahu/penerimaan notis dari Pegawai Penguasa. JUGA ADALAH DIPERSETUJUI, tiada senarai kecacatan boleh dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa selepas tujuh (7) hari dari tamatnya Tempoh Liabiliti Kecacatan tersebut.
- ii) Di dalam keadaan sekiranya setelah pemberitahuan notis untuk pembetulan dan pemulihan kecacatan di serahkan kepada Syarikat, namun Syarikat gagal, enggan dan/atau mengabaikan untuk menyempurnakan yang sama dalam masa melebihi tempoh tujuh (7) hari yang dibenarkan mengikut para 12.0 (i) di atas, Syarikat memberi persetujuannya di sini bahawa, Pegawai Penguasa adalah berhak bagi mendapatkan khidmat daripada pekerja, syarikat, orang perseorangan yang lain atau sesiapa sahaja untuk menjalankan kerja-kerja pemulihan dan pembetulan dan dalam keadaan demikian segala kos, pembayaran dan upahan terhadap perkhidmatan seperti tersebut akan ditanggung sepenuhnya dan di kira sebagai hutang yang perlu di bayar dan/atau diselaraskan oleh Syarikat kepada MBPJ.

12.0 SURAT-MENYURAT DARI PEMBIDA YANG TIDAK BERJAYA

MBPJ tidak akan melayan sebarang surat-menyurat daripada pembida-pembida mengenai sebab-sebab RFP mereka tidak berjaya.

PENGESAHAN (LAMPIRAN B)

Syarat-syarat di atas telah dibaca dan saya/ syarikat ini bersetuju dengannya.

.....
Tandatangan & Cop Syarikat

Nama Penuh :

No K/P :

Alamat :

Tarikh :

PESURUHJAYA SUMPAH

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh :

No K/P :

Alamat :

Tarikh :

LAMPIRAN C

BORANG KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

BAHAGIAN A : MAKLUMAT SYARIKAT

BIL	PERKARA	BUTIRAN			
1	Nama Syarikat				
2	No. Pendaftaran SSM				
3	No. Pendaftaran KKM				
4	Alamat Pejabat Yang Didaftarkan				
5	No. Tel				
6	No. Faks				
7	Email				
8	Bilangan Pekerja				
9	Pengalaman Dalam Bidang Pembangunan Hartaranah/ Pembinaan	 Tahun			
10	Lembaga Pengarah dan Pegangan Saham				
	Nama	No. Kad Pengenalan	Jumlah Nilai Saham (RM)	%	Kedudukan Dalam Syarikat
11	Peratus Pegangan Saham Bumiputera Dalam Syarikat				

BAHAGIAN B : ORGANISASI SYARIKAT

PERKARA/NAMA	JAWATAN	KELAYAKAN	BILANGAN	PENGALAMAN
Lembaga Pengarah a) b) c) d)				
Pengurusan a) b) c) d)				
Profesional/Eksekutif a) b) c) d)				
Kakitangan Teknikal a) b) c) d)				
Kakitangan Sokongan a) b) c) d)				

PENGESAHAN (LAMPIRAN C)

Saya, Nombor K.P.
yang memiliki syarikat bernombor
Pendaftaran Syarikat dengan ini mengaku bahawa maklumat-
maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan
saya sedar adalah menjadi satu kesalahan jika maklumat-maklumat yang diberikan
itu adalah palsu.

Tandatangan Pemilik Syarikat :
Alamat / Cop Syarikat :
.....
.....
.....
.....
Tarikh :

PESURUHJAYA SUMPAH

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh :
No K/P :
Alamat :
Tarikh :

LAMPIRAN D

BORANG KETERANGAN MENGENAI KEWANGAN SYARIKAT

1. Ringkasan Aset dan Liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam laporan audit terkini (Syarikat Sdn. Bhd) atau Borang BE LHDN Terkini (Syarikat Enterprise)

Aset (RM)	Liabiliti (RM)
Tetap :	Jangka Panjang :
Semasa :	Semasa :

2. Maklumat Bank

Bil	Nama Bank	Alamat	No. Akaun

3. Kemudahan Kredit (jika ada) - Sila sertakan dokumen sokongan yang DISAHKAN

Bil	Bentuk Kemudahan	Nilai
1		
2		
3		
4		
	JUMLAH	

PENGESAHAN (LAMPIRAN D)

Tandatangan Pemilik Syarikat :
Alamat :
.....
.....
.....
Tarikh :

PESURUHJAYA SUMPAH

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh :
No K/P :
Alamat :
Tarikh :

LAMPIRAN E

BUTIRAN CADANGAN PEMBANGUNAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mempunyai sebidang tanah hak milik, beralamat di Lot 7, Lorong Sultan, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya. Tanah ini berkeluasan 3.038 ekar, kategori penggunaan dan syarat nyata tanah sebagai bangunan perniagaan, berstatus Pajakan Negeri (PN 38700) selama 60 tahun dan akan tamat pada 9 April 2029.
- 1.2 Pada tanah tersebut terdapat sebuah bangunan kompleks tempat letak kereta, medan selera dan kolam renang (dikenali sebagai Kompleks C) yang sedang beroperasi.
- 1.3 Bersebelahan tanah ini, terdapat tanah rizab kerajaan yang dibangunkan sebagai Dataran PJ. Selaras dengan pengisytiharan Petaling Jaya sebagai Kota Seni, dataran ini sering dijadikan venue utama bagi penganjuran pelbagai acara dan program termasuk yang bertaraf antarabangsa.
- 1.4 Kedua-dua tanah ini terletak di dalam Pusat Bandar Seksyen 52 yang diklasifikasikan sebagai Pusat Bandar Separa Wilayah (PBSW). Lokasinya strategik, terletak di tengah laluan Lebuhraya Persekutuan, berada dalam Zon *Transit Oriented Development (TOD)* dengan kemudahan pengangkutan awam utama seperti Stesen LRT Taman Jaya dan Stesen LRT Asia Jaya (termasuk cadangan stesen MRT3) dan mempunyai intensiti pembangunan yang tinggi (nisbah plot 1:8).
- 1.5 Keupayaan infrastruktur dan sistem penyuraian trafik yang telah dipertingkatkan melalui projek *One Way Loop (OWL)*, menjadikan Seksyen 52 begitu strategik dan telah mendorong kepada peningkatan nilai hartanah dan potensi pelaksanaan projek pembangunan semula kepada tapak cadangan dan lot-lot tanah yang berada di dalam lingkungannya.

2.0 KELULUSAN

2.1 Majlis Bandaraya Petaling Jaya

- 2.1.1 Mesyuarat Majlis Bil. 3/2024 bertarikh 8 Mac 2024 telah menimbang dan meluluskan cadangan penswastaan pembangunan semula tanah hak milik Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas Lot 7 (No. Hak Milik : PN 38700) dan tanah rizab kerajaan (Dataran PJ), Lorong Sultan, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya melalui kaedah *Request For Proposal* (RFP).

2.2 Kelulusan Kerajaan Negeri Selangor

- 2.2.1 Selanjutnya cadangan pembangunan semula ini telah dikemukakan dan telah mendapat kelulusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 31/2024 yang telah diadakan pada 30 Oktober 2024 dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 32/2024 yang telah diadakan pada 13 November 2024.

3.0 PROFIL TAPAK CADANGAN

3.1 Lot 7 (Kompleks Tempat Letak Kereta, Medan Selera Dan Kolam Renang)

3.1.1 Tanah

- | | | | |
|------|--------------------------------|---|---|
| i. | Pegangan | : | Pajakan Negeri |
| ii. | No. Hakmilik | : | 38700 |
| iii. | Cukai Tahunan | : | RM 37,995.00 |
| iv. | Pajakan | : | 60 tahun
(Tempoh berakhir pada 9 April 2029) |
| v. | Negeri | : | Selangor |
| vi. | Daerah | : | Petaling |
| vii. | Bandar/Pekan/
Mukim/Country | : | Bandar Petaling Jaya |

viii.	No. Lot	:	Lot 7 Seksyen 26
ix.	Luas Lot	:	12296 Meter Persegi (132,357 sq.ft. / 3.038 ekar)
x.	Kategori Penggunaan Tanah	:	Bangunan
xi.	No. Lembaran Piawai	:	93-A
xii.	No. Pelan Diperakui	:	PA 27847
xiii.	No. Fail	:	PTG/BPT/SEL2/ 473/07(P)
xiv.	Syarat-Syarat Nyata	:	Bangunan Perniagaan
xv.	Sekatan-Sekatan Kepentingan	:	Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
xvi.	Rekod Ketuanpunyaan	:	Majlis Bandaraya Petalang Jaya
xvii.	Rekod Urusan Perkara Lain Yang Melibatkan Hakmilik	:	Tiada
xviii.	Bayaran Premium Sambung Pajakan Tanah (MMKN Ke 6/2024 Pada 21 Februari 2024	:	RM 45,119,373.00

3.1.2 Bangunan

- | | | | |
|------|---------------|---|---|
| i. | Keluasan | : | 182,985 kaki persegi |
| ii. | Kegunaan | : | Tempat letak kereta, medan selera dan kolam renang. |
| iii. | Keadaan | : | Kurang Baik |
| iv. | Nilai Pasaran | : | RM 118,940,250.00 |

3.2 Dataran PJ

- | | | | |
|------|------------------|---|---|
| i. | Keluasan | : | 8.044 ekar |
| ii. | Kategori | : | Taman Bandaran |
| iii. | Status Pemilikan | : | Tanah Rizab Kerajaan |
| iv. | Kategori | : | Tanah Lapang |
| v. | Pewartaan | : | Telah mendapat kelulusan YB Menteri Besar untuk diwartakan bagi kegunaan awam (tanah lapang) pada 6 Jun 2007. |
| vi. | Pegawai Pengawal | : | Setiausaha Kerajaan Negeri |

4.0 CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA

4.1 Komponen Pembangunan

4.1.1 Lot 7 (Kompleks Bangunan Tempat Letak Kereta, Kolam Renang Dan Medan Selera)

- i. Tapak cadangan yang pada masa ini terdapat sebuah bangunan kompleks tempat letak kereta, kolam renang dan medan selera (Kompleks C) dicadangkan diroboh dan dibina semula dengan komponen pembangunan utama adalah pangsapuri perkhidmatan.

- ii. Komponen pembangunan sokongan lain seperti ruang pejabat, ruang perniagaan dan lain-lain juga adalah dibenarkan.
- iii. Keperluan lain seperti kawasan landskap/ rekreasi, kemudahan komuniti, tempat letak kenderaan dan lain-lain hendaklah disediakan di dalam lot dan mencukupi selaras dengan garis panduan dan piawaian perancangan yang sedang berkuatkuasa.
- iv. **Walau bagaimanapun, pihak syarikat boleh mengemukakan cadangan pembangunan secara bercampur atau komponen pembangunan utama yang lain.**
- v. **Bagi mendapatkan gambaran pembangunan semula secara menyeluruh, pihak syarikat juga dikehendaki untuk mengemukakan konsep pembangunan melibatkan lot-lot lain yang berhampiran dengan tapak cadangan dan aksesibiliti ke Stesen LRT Taman Jaya. Contohnya lot-lot pejabat kerajaan, A&W, Kelab PJ dan Shah Hotel.**
- vi. Selaras dengan Dasar *Transit Oriented Development (TOD)* Negeri Selangor, 30 peratus dari unit pangsapuri perkhidmatan yang dibina hendaklah diperuntukkan untuk unit mampu milik berkeluasan minima 550 kaki persegi dengan harga RM 270,000.00 seunit.
- vii. Pulangan minima kepada Majlis adalah sebanyak 20% dari nilai pembangunan kasar (*gross development value – GDV*). GDV dikira secara berkadaran dengan harga jualan akhir setiap kaki persegi ruang lantai bersih (*nett floor space*).
- viii. Berdasarkan kepada analisa pasaran hartanah yang dijalankan oleh Majlis, cadangan kadar harga jualan *saleable floor space* adalah minima RM 800.00 sekaki persegi
- ix. Dengan keluasan tapak cadangan seluas 132,357 kaki persegi (3.038 ekar), nisbah plot 1:8 (bersih) atau 1,058,856 kaki persegi dan harga jualan RM 800.00 sekaki persegi, jumlah GDV adalah dianggarkan sebanyak RM 847 juta.

- x. Tanah hak milik Majlis di Lot 7 dibenarkan dipindah milik kepada pemaju dan dicagar/ digadaikan ke bank/ institusi kewangan selepas pembangunan semula Dataran PJ (Fasa 1) disiapkan dan milikan kosong (*vacant possession*) diserahkan kepada Majlis.
- xi. Kaveat Persendirian dimasukkan ke atas tanah hak milik Majlis di Lot 7 setelah dipindah milik kepada pemaju hartanah bagi menjamin pulangan akhir kepada Majlis selaras dengan nilai sebenar pembangunan.
- xii. Segala kos yang terlibat dalam cadangan pembangunan semula ini termasuk bayaran premium terkini bagi sambungan pajakan tanah adalah tanggungan pihak syarikat sepenuh.

4.1.2 Tanah Kerajaan (Dataran PJ)

- i. Dataran PJ yang merupakan tanah rizab kerajaan dinaiktaraf dan dibangunkan semula melibatkan pembinaan;-
 - (a) Pusat konvensyen
 - (b) Pusat akuatik
 - (c) Pejabat MBPJ
 - (d) Ruang perniagaan
 - (e) Dataran
 - (f) Ruang penonton
 - (g) Pentas persembahan
 - (h) Perpustakaan digital
 - (i) Tempat letak kenderaan
 - (j) Skywalk
 - (k) Kemudahan sokongan lain.
- ii. Kos pembangunan semula Dataran PJ akan dibiayai melalui pulangan yang diperolehi dari pembangunan semula tanah hak milik Majlis di Lot 7.
- iii. Pembangunan semula Dataran PJ dilaksanakan terlebih dahulu (Fasa 1) daripada pembangunan semula tanah hak milik Majlis di Lot 7 (Fasa 2) bagi memastikan pulangan kepada Kerajaan Negeri berbentuk penaiktarafan kemudahan awam baharu siap dibina (sehingga pengeluaran CCC).

- iv. **Pihak syarikat juga diberi pilihan untuk mengemukakan cadangan pengurusan dan pulangan kepada Majlis bagi komponen-komponen kemudahan yang dibangunkan di Dataran PJ melalui kaedah “*operate & transfer*” atau lain-lain kaedah usahasama yang bersesuaian.**

4.2 Kaedah Pelaksanaan

- 4.2.1 Cadangan pembangunan semula ini akan dilaksanakan secara penswastaan melalui kaedah Pelawaan Untuk Cadangan (*Request For Proposal - RFP*) dan terbuka kepada mana-mana syarikat pemaju hartanah atau konsortium yang berminat dan berkecenderungan untuk penilaian dan pemilihan oleh pihak Majlis.


4.3 Tempoh Masa Pelaksanaan

- 4.3.1 Tempoh masa keseluruhan pelaksanaan cadangan pembangunan semula ini tidak boleh melebihi lapan (8) tahun.
- 4.3.2 Proses bermula dengan memperolehi kelulusan di peringkat Majlis, kelulusan Kerajaan Negeri, *focus group discussion (FGD)* bersama perwakilan penduduk, penyediaan dokumen RFP, proses pelawaan, penilaian dan pemilihan pemaju, proses penyediaan dan menandatangani dokumen perjanjian pelaksanaan, kelulusan pelan-pelan pembangunan, kerja-kerja pembinaan, penyiapan dan sijil layak menduduki, sehingga penyerahan pemilikan kosong (*vacant possessions*).
- 4.3.3 Kerja pembinaan akan dibahagikan kepada dua (2) fasa pelaksanaan iaitu Fasa 1 melibatkan pembangunan kemudahan awam baru di tanah rizab kerajaan (Dataran PJ) yang dijangka akan mengambil masa selama 3 tahun bermula 2026 hingga 2028. Manakala Fasa 2 pula melibatkan pembangunan tanah hak milik Majlis di Lot 7 yang akan mengambil masa selama 4 tahun bermula tahun 2028 sehingga 2031.
- 4.3.4 Cadangan proses dan tempoh masa pelaksanaan adalah seperti jadual seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Tahun (2000)							
		24	25	26	27	28	29	30	31
1.	Kelulusan Majlis								
2.	Kelulusan Kerajaan Negeri								
3.	<i>Focus Group Discussion (FGD)/</i> Bengkel Bersama Perwakilan Penduduk								
4.	Penyediaan Dokumen <i>Request</i> <i>For Proposal (RFP)</i>								
5.	Pelawaan, Penilaian Dan Pemilihan Pemaju								
6.	Penyediaan Dan Menandatangani Perjanjian Pelaksanaan								
7.	Kelulusan Pelan-Pelan Pembangunan								
8.	Fasa 1 (Dataran PJ)								
	• Kerja-Kerja Pembinaan								
	• Penyiapan Dan Sijil Layak Menduduki								
	• Penyerahan								
9.	Fasa 2 (Lot 7)								
	• Kerja-Kerja Pembinaan								
	• Penyiapan Dan Sijil Layak Menduduki								
	• Penyerahan Pemilikan Kosong (<i>Vacant Possessions</i>).								

LAMPIRAN


A. Pelan Lokasi




B. Konsep Pembangunan (Lot 7)




C. Konsep Pembangunan (Dataran PJ)



D. Cadangan Pelan Induk



E. Gambaran Perspektif



LAMPIRAN F

BORANG CADANGAN PEMBANGUNAN SYARIKAT

NO.	CADANGAN SYARIKAT	UNIT/ LUAS (KP)/ KADAR/ RM/ TAHUN	CADANGAN MBPJ
A	LOT 7 (KOMPLEKS TEMPAT LETAK KERETA, MEDAN SELERA DAN KOLAM RENANG)		
1.	Luas Tapak	132,335.28kp	-
2.	Intensiti (Plot Ratio 1: 8 Ruang Lantai Bersih)	1,058,682.24 kp	-
3.	Komponen Pembangunan Utama i. ii. iii. iv. v.	Unit/ luas (kp)	-
4.	Komponen Pembangunan Sokongan i. ii. iii. iv. v.	Unit/ luas (kp)	-
5.	Luas Lantai Kasar	kp	-
6.	Luas Lantai Bersih	kp	-
7.	Harga Jualan (sekaki persegi)	RM	RM 800.00
8.	Gross Development Value (GDV)	RM	RM 846.95 juta
9.	Pulangan Kepada Majlis (20% dari GDV)	RM	RM169.39 Juta
10.	Tempoh masa pelaksanaan	Tahun	Tidak lebih 3 Tahun
11.	Lain-Lain (Cadangan Balas) i. ii. iii. iv. v. vi.		

NO.	CADANGAN SYARIKAT	UNIT/ LUAS (KP)/ KADAR/ RM/ TAHUN	CADANGAN MAJLS
B	TANAH KERAJAAN (DATARAN PJ)		
1.	Luas Tapak	350,396.64kp	-
2.	Komponen Pembangunan Utama i. Pusat konvensyen ii. Pusat akuatik iii. Pejabat MBPJ iv. Ruang perniagaan v. Dataran vi. Ruang penonton vii. Pentas persembahan viii. Perpustakaan digital ix. Tempat letak kenderaan x. Skywalk	Unit/ luas (kp)	-
3.	Komponen Pembangunan Sokongan i. ii. iii. iv. v.	Unit/ luas (kp)	-
4.	Luas Lantai Kasar	kp	-
5.	Luas Lantai Bersih	kp	-
6.	Gross Development Cost (GDC) (sekaki persegi)	RM	-
7.	Tempoh masa pelaksanaan	Tahun	Tidak lebih 3 Tahun
8.	Lain-lain (Cadangan Balas) i. ii. iii. iv. v. vi. vii.		

**** (Sila Sertakan Butiran Terperinci Komponen Cadangan Pembangunan, Pelan Susun Atur, Pelan Lantai, Gambaran Perspektif, Jadual Pelaksanaan Dan Lain-lain Yang Berkaitan)***

PENGESAHAN (LAMPIRAN F)

Kami telah mengambil maklum dan **BERSETUJU** dengan perkara-perkara seperti berikut;-

- i. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak syarikat adalah tepat, benar dan terkini dan Majlis berhak membatalkan penyertaan dan keputusan tawaran ini sekiranya maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak syarikat didapati tidak tepat dan tidak benar.

Tandatangan Pemilik Syarikat :
Alamat :
.....
.....
Tarikh :

PESURUHJAYA SUMPAH

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh :
No K/P :
Alamat :
Tarikh :

LAMPIRAN G

SENARAI KERJA/ PERKHIDMATAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Agensi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Nama/No. Telefon Pegawai Jabatan Yang Bertanggungjawab
				Mula	Tamat	

PERHATIAN :

Wajib senaraikan pengalaman perkhidmatan yang dilaksanakan bagi tempoh semasa dan lima (5) tahun kebelakang sahaja dan wajib sertakan surat tawaran kontrak/bukti daripada jabatan/agensi berkenaan.

PENGESAHAN (LAMPIRAN G)

Tandatangan Pemilik Syarikat :
Alamat :
.....
.....
Tarikh :

PESURUHJAYA SUMPAH

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh :
No K/P :
Alamat :
Tarikh :

LAMPIRAN H

SURAT AKUAN SYARIKAT

Bagi

**CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA TANAH HAK MILIK MAJLIS
BANDARAYA PETALING JAYA DI ATAS LOT 7 (NO. HAK MILIK : PN 38700)
DAN TANAH RIZAB KERAJAAN (DATARAN PJ), LORONG SULTAN, PUSAT
BANDAR SEKSYEN 52, PETALING JAYA, SELANGOR.**

No. RFP : MBPJ/040100/T/ P23/1/KOMPLEKSC/SEK52/0664/2023

Saya, No. K/P :
yang memiliki syarikat
nombor Pendaftaran dengan ini
mengisytiharkan bahawa saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau
memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS BANDARAYA
PETALING JAYA** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih
dalam *RFP seperti di atas.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS
BANDARAYA PETALING JAYA** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan
untuk dipilih dalam *RFP seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat
bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *RFP harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *RFP yang ditandatangani tanpa bayaran ganti
rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau
menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk
dipilih dalam *RFP seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

PENGESAHAN (LAMPIRAN H)

Tandatangan Pemilik Syarikat :
Alamat :
.....
.....
Tarikh :

PESURUHJAYA SUMPAH

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh :
No K/P :
Alamat :
Tarikh :

LAMPIRAN I

SURAT AKUAN SYARIKAT BERJAYA

Bagi

**CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA TANAH HAK MILIK MAJLIS
BANDARAYA PETALING JAYA DI ATAS LOT 7 (NO. HAK MILIK : PN 38700)
DAN TANAH RIZAB KERAJAAN (DATARAN PJ), LORONG SULTAN, PUSAT
BANDAR SEKSYEN 52, PETALING JAYA, SELANGOR.**

No. RFP : MBPJ/040100/T/ P23/1/KOMPLEKSC/SEK52/0664/2023

Saya, No. K/P :
yang memiliki syarikat
nombor Pendaftaran dengan ini
mengisytiharkan bahawa saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau
memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS BANDARAYA
PETALING JAYA** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan
*RFP seperti di atas.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS
BANDARAYA PETALING JAYA** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran
mendapatkan *RFP seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju
tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *RFP harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *RFP yang ditandatangani tanpa bayaran ganti
rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau
menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran
mendapatkan *RFP seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

PENGESAHAN (LAMPIRAN I)

Tandatangan Pemilik Syarikat :
Alamat :
.....
.....
Tarikh :

PESURUHJAYA SUMPAH

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh :
No K/P :
Alamat :
Tarikh :

.....
Nama :
No. K/P :
Cop Syarikat :

LAMPIRAN J

**SENARAI NAMA SEKRETARIAT UNIT PELABURAN, JABATAN
PERANCANGAN PEMBANGUNAN, MBPJ**

1. Nama : TPr. Mohd Bakri Bin Salleh
Jawatan : Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
Tel : 03-79557934
Faks : 03-79588392
Emel : mohdbakri@mbpj.gov.my

2. Nama : Norhisam bin Hussain
Jawatan : Penolong Pengarah Perancang Bandar & Desa
Tel : 03-79563544 samb. 411
Faks : 03-79588392
Emel : norhisam.hussain@mbpj.gov.my

3. Nama : Norhisyam bin Hj. Mat
Jawatan : Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa
Tel : 03-79563544 samb. 316
Faks : 03-79588392
Emel : hisyam@mbpj.gov.my

4. Nama : Jarir Aiman Yasier bin Jumat
Jawatan : Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa
Tel : 03-79563544 samb. 316
Faks : 03-79588392
Emel : jariraiman@mbpj.gov.my